



Universiti Teknologi MARA (UiTM) dengan ini mempelawa calon-calon Warganegara Malaysia berstatus Bumiputera yang berkelayakan dalam bidang yang berkaitan untuk mengisi jawatan TETAP di Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka.

A. JAWATAN PENTADBIRAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI	
				MINIMUM	MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
1.	Pegawai Eksekutif	N29	Penolong Pegawai Tadbir	RM 1,493.00	RM 5,672.00

KUMPULAN PELAKSANA

PEGAWAI EKSEKUTIF (N29)
Bidang : Pengurusan Asrama

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :
 - (a) Warganegara Malaysia
 - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
 - (c) (i) Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493.00) atau;
 - (ii) Sijil Tinggi Agama Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,493) atau;
 - (iii) Diploma dalam bidang berkaitan diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan daripada Institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji permulaan ialah pada Gred N29 : RM 1,770.95).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang - kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi), Pembantu Setiausaha Pejabat, Pembantu Tadbir (Kewangan), Pemeriksa Cap Jari dan Pegawai Khidmat Pelanggan adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Tadbir Gred N29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan
- (a) (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1© ;
- (ii) Lulus Peperiksaan khas; dan
- (b) Had umur pelantikan :
- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
- (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
- (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

BIDANG KEUTAMAAN

- (a) Pengurusan Asrama

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Setiap permohonan **MESTILAH** disertai bersama **SALINAN** dokumen berikut yang telah **DISAHKAN** :
 - Kad Pengenalan
 - Sijil Kelahiran Calon, Ibu & Bapa
 - Sijil SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma (Skrol dan Transkrip Akademik Terperinci)
 - Surat Pengiktirafan Kelayakan Akademik
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan dari majikan sedia ada / terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja / penetapan gaji
 - Salinan Kenyataan Perkhidmatan yang dikemaskini (bagi kakitangan kerajaan/ Badan Berkanun/separa kerajaan yang sedang berkhidmat) dan Laporan Prestasi Tahunan
2. Borang / dokumen yang **tidak lengkap, tidak jelas dan kabur** tidak akan diproses.
3. Hanya pemohon - pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temu duga.
4. Pemohon - pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.
5. Pemohon - pemohon yang menuntut di Tahun Akhir Universiti Awam / Swasta adalah tidak dibenarkan membuat sebarang permohonan jawatan kecuali keputusan semester akhir telah diperakukan oleh SENAT.

PERMOHONAN

Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Perjawatan UiTM** yang boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Melaka di <https://melaka.uitm.edu.my/index.php/en/campuses>

Tarikh tutup permohonan adalah pada **25 Mac 2022 (Jumaat)**.

Sila kemukakan permohonan melalui link seperti berikut :
<https://forms.gle/3YNnDVVbszjJFEHS8>

Sila kemukakan BORANG PERMOHONAN ASAL (melalui pos) kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
PEJABAT PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN MELAKA
KM 26 JALAN LENDU
78000 ALOR GAJAH
MELAKA**

NO.TEL : 06-5582438 /06-5582321 / 06-5582014